

CNS9340

R GB 11-08 00183 BD062

bah

Ulangan membetulkan slug

Mahathir - Bukit

PEMBANGUNAN DI BUKIT PERLU DIRANCANG, KATA LR MAHATHIR

CAMERON HIGHLANDS, 11 Ogos (Bernama) -- Pembinaan bangunan di kawasan bukit dan gunung perlu dirancang bagi menjaga keadaan semula jadi di kawasan tinggi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perancangan yang teliti perlu bagi pembinaan projek di atas bukit dan gunung supaya keadaan semula jadi dipelihara, katanya semasa merasmikan pesta bunga Cameron Highlands 1994 di sini. Pesta lapan hari itu bermula 6 Ogos lepas.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan membina lebuh raya baru yang menghubungkan Cameron Highlands, Bukit Fraser dan Genting Highlands.

Pembinaan jalan itu akan mengambil kira pemuliharaan kawasan tanah tinggi dengan memastikan pokok tidak ditebang berlebihan demi menjaga iklim dan keindahan semula jadi di kawasan itu, katanya.

Perdana Menteri berkata pembinaan bangunan di tanah tinggi pula perlu dipastikan tidak menyebabkan bukit-bukit dipotong berlebihan sehingga mencemarkan sungai.

"Kita harus menggunakan cara pembinaan bangunan tanpa memotong tanah berlebihan kerana pusat pelancongan itu merupakan tempat kunjungan pelancong asing," kata beliau. -- Laqi

▼11/08/14-38MST

CNS9344

R GB 11-08 00174 BD063

bah

Mahathir - Bukit 2, Cameron Highlands

Perdana Menteri berkata, penjunjung asing datang ke sini untuk melihat bukit dan tumbuh-tumbuhan serta menikmati iklim sejuk di tanah tinggi, maka pemotongan tanah dan penebangan yang berlebihan boleh menyebabkan perubahan iklim.

Menurutnya, pengalaman di sebuah negeri pembangunan di kawasan bukit dengan pemotongan tanah berlebihan telah menyebabkan kerosakan kepada kawasan itu dan alam sekitar.

Pembangunan seperti ini tidak dibiarkan berterusan bagi menjaga keadaan semula jadi di negara ini.

Beliau berkata rakyat harus bersyukur kerana negara ini mempunyai tanah tinggi, hutan serta iklim yang sejuk di tanah tinggi sedangkan di negara lain tidak mempunyai alam semula jadi seperti ini.

Kawasan tanah tinggi dan iklim yang sejuk membolehkan negara memajukan industri pelancongan seperti membina hotel dan mewujudkan peluang kepada kepada rakyat, dan ini memberi pendapatan kepada rakyat.

Di kawasan tanah rata pula, mereka boleh menanam pokok getah dan kelapa sawit dan semua sumber ini merupakan hak rakyat Malaysia untuk dimanfaatkan selagi mereka sanggup berusaha. -- Laqi

▼11/08/14-40MST

CNS9349

R GB 11-08 00134 BD064

bah

Mahathir - Bukit 3 (akhir) Cameron Highlands

Dr Mahathir juga berkata dasar penswastaan kerajaan telah membantu mempercepatkan penyediaan kemudahan asas kepada rakyat. Setiap kali diadakan pembangunan dan pelaksanaan projek penswastaan, rakyat akan mendapat nikmat.

Beliau mengambil contoh bahawa pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan telah memberi kemudahan kepada rakyat walaupun ada beberapa pihak merungut mereka kena membayar tol tetapi rakyat suka menggunakan lebuhraya itu.

Mengenai pembangunan di Cameron Highlands, beliau menggesa penduduk di sini merebut peluang dengan mengusahakan tanaman bunga secara kecil-kecilan.

Beliau berkata, kerajaan menggalakkan pengusaha bergabung sebagai sebuah syarikat besar supaya mereka mendapat keuntungan lebih di samping melibatkan diri dalam kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R & D) dan menggunakan modal yang besar untuk teknologi tinggi. -- Bernama

MUS AH FAZ

♥11/08/14-45MST